

Utusan Sarawak
25 November 2017



Sun Life Malaysia jalin kerjasama dengan U Mobile

Produk GoLife diperkenalkan

FENNY SILONG

KUCHING: Syarikat insurans Sun Life Malaysia menjalin kerjasama dengan syarikat telekomunikasi, U Mobile dengan memperkenalkan produk yang dikenali sebagai GoLife.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia, Raymond Lew, insurans nyawa mikro yang berasaskan rangkaian telefon adalah yang pertama apabila membolehkan orang ramai melanggannya menggunakan telefon pintar masing-masing.

"Justeru, insurans GoLife wujud hasil daripada perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua-dua syarikat pada Mei lalu.

"Ini kerana, Sun Life Malaysia bergerak dengan pantas apabila menjalin kerjasama dengan U Mobile yang kini semakin digemari oleh penggunaanya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di sini semalam yang turut dihadiri oleh Pengurus Besar Utusan Sarawak, Bobby Tham.

Kata Raymond, objektif utama Sun Life Malaysia adalah



KENANGAN ... Raymond Lew (dua dari kanan) merakam kenangan bersama Pengurus Besar Utusan Sarawak, Bobby Tham (kanan) dan yang lain di Kuching, semalam.

untuk menawarkan keselamatan keuangan sepanjang hayat kepada penduduk Malaysia dengan perundingan hanya melalui aplikasi U Mobile di telefon pin-

tar.

"Bagi tawaran premium dengan hanya RM5, para pelanggan dilindungi sehingga RM18,000 untuk kematian sem-

ula jadi manakala RM36,000 bagi kematian akibat jangkitan penyakit seperti denggi, zika dan sebagainya.

"Pelanggan yang layak

memohon insurans GoLife adalah berusia dari 18 hingga 45 tahun dan merupakan pengguna rangkaian telekomunikasi U Mobile," jelasnya.

Tambahnya, tahun lalu, Sun Life Malaysia memperoleh perniagaan berjumlah RM1.04 bilion dan tahun ini pihaknya menyasarkan pertumbuhan seban-

yak 20 peratus.

"Keadaan pembayaran insurans GoLife amat mudah apabila ditolak daripada baki nilai kad pra bayar atau akan postpaid secara bulanan."

"Sebanyak lima ke 10 peratus daripada baki terbitdat dicarum kepada insurans GoLife dengan persetujuan para pelanggan," ujarnya.

Raymond menegaskan, pihaknya tidak merancang untuk menubuhkan bangunan Sun Life Malaysia di Sarawak kerana kini negara bergerak ke arah digital.

Beliau memberitahu, adalah lebih meningkatkan sekiranya para pelanggan hanya melakukan transaksi melalui sistem digital.

Insurans GoLife akan ditawarkan kepada pelanggan U Mobile terpilih secara percuma dari 24 November 2017 hingga 28 Februari 2018.

Selaras 28 Februari, pelanggan U Mobile yang berminat dengan insurans GoLife boleh mendapatkan paket berkenaan serendah RM5, sebulan atau RM0.16 sehari menerusi Mobile Self Care Portal di www.u.com.my/sefcare atau aplikasi MyU-Mobile.